

Artikel

Isu serta Cadangan Penambahbaikan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Karangan Bahasa Melayu Sekolah Menengah
(*Issues and Suggestions for Improving the Quality of Teaching and Learning Malay Essay Writing in Secondary Schools*)

Rohaida Mazlan, Zamri Mahamod* & Khairul Azhar Jamaludin

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: d-zam@ukm.edu.my

Diserah: 17 Julai 2024

Diterima: 1 Oktober 2024

Abstrak: Penulisan karangan merupakan kemahiran paling sukar dan kompleks untuk dikuasai oleh murid yang turut memberi cabaran kepada guru bahasa Melayu dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) penulisan karangan. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh murid sekolah menengah semasa penulisan karangan dan cabaran pelaksanaan PdP penulisan karangan menurut perspektif guru. Kajian ini mengetengahkan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian tinjauan dan menggunakan kaedah perbincangan kumpulan berfokus (PKB) bagi mendapatkan data kajian. Kajian ini telah melibatkan sembilan orang guru Mata Pelajaran Bahasa Melayu dan seorang Pegawai Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah atau lebih dikenali sebagai School Improvement Specialist Coaches (SISC+) Bahasa. Dapatan PKB telah dianalisis secara tematik menggunakan perisian NVivo versi 12plus. Kajian ini mendapati dua isu utama dalam pelaksanaan PdP penulisan karangan di sekolah menengah, iaitu kelemahan penguasaan penulisan karangan dalam kalangan murid dan kekangan masa yang dihadapi guru semasa PdP serta penilaian penulisan karangan murid. Bagi mengatasi isu ini, pendekatan yang lebih fleksibel dan interaktif, seperti penggunaan teknologi, disarankan bagi membantu pengurusan masa dan meningkatkan minat murid dalam penulisan. Dapatan ini penting sebagai panduan untuk memperbaiki PdP penulisan karangan pada masa akan datang melalui pendekatan yang lebih praktikal dan efektif.

Kata kunci: Pengajaran dan Pembelajaran ; penulisan karangan; perbincangan kumpulan berfokus; sekolah menengah; cabaran Guru Bahasa Melayu; analisis tematik

Abstract: Essay writing is the most difficult and complex skill for students to master, which also presents challenges for Malay language teachers in conducting the teaching and learning (PdP) of essay writing. The main purpose of this study is to identify the problems faced by secondary school students when writing essays and the challenges in implementing essay writing PdP from the perspective of teachers. This study employs a qualitative approach through survey design and uses the focus group discussion (FGD) method to collect data. Nine Malay Language teachers and one School Improvement Specialist Coach (SISC+) participated in this study. The FGD data were thematically analyzed using NVivo version 12plus software. The study identified two main issues in the implementation of essay writing PdP in secondary schools: students' weak mastery of writing skills and the time constraints faced by teachers during PdP and essay evaluation. To address these issues, a more flexible and interactive approach, such as the use of technology, is recommended to assist with time management and increase students' interest in writing. These findings are important as a guide for improving the PdP of essay writing in the future through more practical and effective approaches.

Keywords: Teaching and Learning ; essay writing; focused group discussions; secondary school; cabaran Guru Bahasa Melayu; analisis tematik

Pengenalan

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2018) menerusi Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) mentakrifkan kemahiran menulis merupakan keupayaan menulis untuk menyampaikan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan pengetahuan dan pengalaman peribadi mereka. Penulisan karangan yang ditulis oleh murid mesti menggunakan tanda baca, ejaan yang betul dan gramatis. Pengajaran penulisan karangan bukan sahaja dapat meningkatkan kecekapan bahasa murid malah melalui pengajaran penulisan karangan yang berkesan dapat meningkatkan pemikiran yang kritis dan kreatif (Tenggok & Shaid, 2023). Seyoum et al. (2022) menjelaskan penghasilan karangan merupakan satu proses yang membantu murid untuk menghasilkan pemikiran. Selain itu penghasilan karangan juga merupakan pencapaian murid dalam mengekspresikan idea, fikiran, dan perasaan mereka secara bertulis yang diukur dengan penilaian bertulis. Oleh sebab itu, penguasaan kemahiran menulis mempunyai kaitan dengan kemahiran lain iaitu kemahiran mendengar, bertutur serta membaca (Mazlan et al., 2020).

Laporan Analisis Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2022 menunjukkan peratus murid yang mencapai kepujian dalam peperiksaan SPM bagi Mata pelajaran Bahasa Melayu adalah sebanyak 80.9% , menunjukkan peningkatan sebanyak 1.7% berbanding tahun 2021 iaitu 78.6% (KPM, 2022b). Berdasarkan laporan tersebut, hasrat KPM menerusi Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016 – 2025 yang mensasarkan 90% kepujian bagi Mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM masih jauh untuk dicapai (KPM, 2017). Tambahan pula, menurut KPM (2020, 2021, 2022b) murid lemah mengemuka dan menghuraikan idea dalam penulisan. Perkara ini adalah berpunca daripada murid mempunyai, kurang pengetahuan seterusnya menyebabkan mereka tidak dapat menyampaikan idea dengan berkesan. Permasalahan ini turut dijelaskan oleh Levz (2024) yang mendapati bahawa murid sekolah menengah menghadapi kesukaran dalam mengenal pasti sumber yang sesuai serta sukar untuk menghuraikan idea yang diperoleh. Kajian Mahamod et al. (2021) juga menyokong dapatan ini, apabila mendapati bahawa cabaran utama murid dalam menulis esei adalah disebabkan kesukaran untuk memahami dan menyatakan kandungan secara bertulis.. Hal yang sama turut dilaporkan dalam kajian Febrina dan Kartolo (2022) serta Yuneh et al. (2022) yang mendapati antara sebab kelemahan murid dalam menghasilkan karangan berkualiti adalah kesukaran untuk menyatakan idea dalam wacana deskriptif. Di samping itu, murid juga didapati masih sukar menyusun idea secara sistematik. Dapatan-dapatan ini disokong oleh Khairunnisa (2020) yang menyatakan murid mempunyai stigma bahawa penulisan karangan adalah sukar, sehingga menyebabkan murid tidak tahu cara untuk memulakan penulisan karangan.

Oleh itu, kesimpulannya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh murid sekolah menengah dalam penulisan karangan serta cabaran yang timbul semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) penulisan karangan. Permasalahan tersebut menghalang murid daripada mengekspresikan pemikiran secara efektif. PdP penulisan karangan yang berkesan bukan sahaja penting untuk meningkatkan kecekapan bahasa, tetapi juga dalam membentuk pemikiran kritis dan kreatif. Justeru, mengenal pasti permasalahan ini adalah penting untuk merangka strategi pengajaran yang lebih berfokus dan menyeluruh. Kajian ini turut menekankan kepentingan penguasaan penulisan karangan yang baik sebagai penanda aras kemampuan murid dalam berkomunikasi dan mengembangkan kemahiran berfikir aras tinggi.

Sorotan Literatur

Proses mengarang telah lama dikenal pasti sebagai satu proses yang kompleks dan rekursif, melibatkan pelbagai peringkat yang saling berkait antara satu sama lain (Yusoff, 2014). Model oleh Britton (1975) yang membahagikan proses mengarang kepada tiga peringkat pemahaman, pembinaan, dan penghasilan yang membawa kepada pemahaman asas tentang bagaimana penulis mengembangkan idea. Walaupun model ini memberi tumpuan kepada perkembangan idea secara linear, kajian oleh Murray (1990) menawarkan penambahbaikan dengan memperkenalkan model yang lebih dinamik dan bertindanan. Murray menekankan bahawa proses mengarang melibatkan pengumpulan, pemusatan, penyusunan, penulisan draf, dan pembetulan, menunjukkan proses ini tidak semestinya berlaku secara linear tetapi sering kali berulang-ulang. Perbandingan ini memperlihatkan evolusi pemahaman terhadap proses mengarang yang lebih kompleks dan

dinamik, seiring dengan keperluan pedagogi moden yang mengiktiraf kepelbagaian gaya pembelajaran pelajar.

Kajian terdahulu dalam konteks pengajaran penulisan karangan di Malaysia memperlihatkan pelbagai isu yang melibatkan bukan sahaja pelajar tetapi juga guru. Menurut Mohd Noor (2020) dan Zulkifli dan Rahman (2023), murid sering kali mengalami kesukaran dalam menguasai kemahiran menulis karangan kerana kurangnya pemahaman mendalam terhadap topik penulisan. Kelemahan ini menghalang murid daripada menghasilkan idea yang mantap dan mengembangkan hujah dengan teratur. Berbanding dengan kajian lepas yang lebih tertumpu kepada kelemahan pelajar, kajian ini lebih kritikal dengan turut memberi perhatian kepada cabaran pedagogi yang dihadapi guru, termasuk pengetahuan mereka terhadap strategi pengajaran. Kajian oleh Koon et al. (2024) turut menyokong dapatan ini dengan menegaskan bahawa kebanyakan murid gagal membezakan antara idea utama dan idea sampingan, yang mengakibatkan kekacauan dalam struktur karangan mereka. Dalam konteks ini, pendekatan pengajaran tradisional sering kali tidak berkesan kerana tidak memenuhi keperluan murid yang berbeza-beza. Oleh itu, kajian ini memberi fokus kepada keperluan untuk merangka pendekatan pengajaran yang lebih bersesuaian dengan keperluan murid dan cabaran semasa PdP.

Cabaran PdP penulisan karangan ini tidak hanya terhad kepada murid. Kajian oleh Yatim et al. (2020) menunjukkan bahawa pengetahuan pedagogi kandungan guru bahasa Melayu masih berada pada tahap sederhana tinggi, dan ini menyumbang kepada keberkesanan PdP yang kurang memberangsangkan. Hal ini seiring dengan dapatan Hlabisa et al. (2023) yang menyatakan bahawa kurangnya penguasaan pedagogi guru adalah faktor utama yang menjejaskan keberkesanan PdP penulisan karangan. Perbandingan ini menonjolkan kelemahan yang sama di peringkat serantau, di mana kelemahan dalam pengetahuan pedagogi memberi kesan langsung kepada pencapaian murid. Beberapa kajian lain mencadangkan pendekatan inovatif untuk mengatasi masalah ini. Sebagai contoh, kajian Yin (2019) yang mengkaji keberkesanan Kaedah Kelas Balikan mendapati bahawa murid yang diajar menggunakan pendekatan ini menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam penulisan karangan berbanding murid yang diajar menggunakan kaedah konvensional. Pendapat yang dikemukakan konsisten dengan dapatan Rosli et al. (2023) yang mendapati bahawa pembelajaran berasaskan projek membantu meningkatkan kemampuan murid dalam menulis karangan dengan lebih berkesan. Kajian ini menggariskan keperluan mendesak untuk memanfaatkan pendekatan pengajaran yang lebih interaktif dan pelbagai untuk mengatasi kekangan yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan PdP penulisan karangan.

Secara keseluruhannya, kajian ini memperlihatkan kekuatan yang signifikan dalam menyediakan cadangan penambahbaikan berkaitan pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu di sekolah menengah, dengan memberi tumpuan kepada cabaran yang dihadapi oleh guru dan murid. Keunikan kajian ini terletak pada pendekatan menyeluruh yang melibatkan analisis kritikal terhadap kelemahan pelajar serta kekangan pedagogi guru, satu aspek yang sering terlepas pandang dalam kajian terdahulu.

Metodologi

Kajian ini telah menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dengan menggunakan pendekatan kualitatif bagi mengenal pasti masalah dan kekangan yang dihadapi oleh guru mata pelajaran Bahasa Melayu semasa melaksanakan PdP penulisan karangan. Pendekatan kualitatif telah dipilih dalam kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang lebih komprehensif melalui sumber yang boleh dipercayai, bebas daripada sebarang manipulasi penyelidik seperti yang dijelaskan oleh Merriam (2009).

Peserta kajian dipilih adalah berdasarkan kaedah persampelan bertujuan. Kaedah persampelan bertujuan telah digunakan dalam pemilihan peserta kajian adalah bagi membolehkan pengumpulan data daripada individu yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman khusus dalam PdP penulisan karangan Bahasa Melayu. Menerusi kajian ini, penyelidik telah memilih peserta kajian seramai sembilan orang dalam kalangan guru Mata Pelajaran Bahasa Melayu dan seorang Pegawai Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah atau lebih dikenali sebagai School Improvement Specialist Coaches (SISC+). Peserta kajian ini dipilih adalah menggunakan kumpulan homogenous yang mempunyai variasi iaitu melibatkan perspektif guru dan pegawai SISC+. Pemilihan ini adalah bertepatan dengan pandangan Krueger dan Casey (2015) yang mana, peserta kajian kumpulan berfokus ditentukan oleh ciri yang homogen tetapi mempunyai variasi dalam kalangan

peserta bagi mendapatkan pendapat yang berbeza. Dalam konteks kajian ini homegeniti ditakrifkan sebagai kelompok guru bahasa Melayu. Seterusnya, variasi yang terdapat dalam kalangan peserta kajian ialah jawatan dan pengalaman mengajar. Kesemua peserta kajian diberi nama peserta kajian (PK) bagi menjaga kerahsiaan dan identiti sebenar guru. Maklumat demografi peserta kajian adalah seperti dalam Jadual 1.

Kaedah perbincangan kumpulan berfokus (PKB) digunakan bagi mengumpul data kajian. Penyelidik berperanan sebagai moderator memimpin sesi perbincangan dengan mengemukakan soalan berdasarkan instrumen protokol temu bual PKB. Protokol temu bual perbincangan kumpulan berfokus yang dibina berdasarkan kajian-kajian lepas dan melalui pembacaan kajian literatur. Setelah instrumen dibangunkan, penyelidik t melantik tiga orang pakar yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang kajian kualitatif pengajaran penulisan karangan bahasa Melayu untuk menyemak dan mengesahkan instrumen. Bogdan dan Biklen (2007) telah menjelaskan pengesahan pakar instrumen bertujuan menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen bagi menjamin keteraturan kajian. Keseluruhan sesi perbincangan telah direkod dan berlangsung selama dua jam.

Hasil PKB telah dianalisis secara tematik menggunakan perisian *NVivo* versi *12plus*. Proses analisis data ini dijalankan dengan meneliti data secara terperinci bagi mencari tema dan subtema yang boleh digunakan dalam mencapai objektif kajian. Setelah tema dan subtema diperolehi, penyelidik mendapatkan pengesahan pakar melalui kaedah Cohen Kappa. Kaedah ini digunakan bertujuan mendapatkan persetujuan pakar terhadap tema yang telah dibina oleh penyelidik berdasarkan analisis transkrip PKB. Menurut Cohen (1960), Ketepatan tema adalah berdasarkan analisis Indeks Cohen Kappa. Hal ini kerana, Indeks Cohen Kappa dapat menentukan sejauh mana subtema yang dipilih dapat menggambarkan tema-tema yang dibina.

Jadual 1. Maklumat demografi peserta kajian

Peserta Kajian	Jantina	Tahap Pendidikan	Pengalaman Mengajar Bahasa Melayu
PK01	Perempuan	Sarjana	22
PK02	Lelaki	Sarjana Muda	10
PK03	Perempuan	Sarjana Muda	23
PK04	Perempuan	Sarjana Muda	30
PK05	Perempuan	Sarjana Muda	18
PK06	Perempuan	Sarjana Muda	28
PK07	Perempuan	Sarjana Muda	25
PK08	Perempuan	Sarjana Muda	28
PK09	Perempuan	Sarjana	28
PK10	Perempuan	Sarjana Muda	26

Nota: PK= peserta kajian

Hasil Kajian

Dapatan kajian ini terbahagi kepada dua tema utama iaitu kelemahan penguasaan penulisan karangan dalam kalangan murid serta kekangan masa pelaksanaan PdP penulisan karangan.

1. Kelemahan Penguasaan Penulisan Karangan dalam Kalangan Murid

Terdapat enam permasalahan yang menjadi punca kelemahan penguasaan penulisan karangan dalam kalangan murid iaitu, kekurangan pengetahuan berkaitan topik penulisan, Kelemahan mengemukakan idea, Kelemahan menulis huraian idea, kelemahan mengemukakan contoh, kelemahan mengaitkan elemen merentas kurikulum dan pengolahan karangan murid yang bercampur aduk.

Kekurangan Pengetahuan Berkaitan Topik Penulisan

Salah satu kelemahan dalam pengetahuan topik penulisan yang dibincangkan oleh PK ialah permasalahan kemahiran menulis karangan murid. Selain itu, tujuh daripada sepuluh peserta kajian menyatakan bahawa murid kurang mempunyai pengetahuan yang mencukupi berkaitan isu semasa. Memandangkan murid tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi, PK08 menjelaskan perkara ini menyebabkan murid sukar menulis huraian isi karangan dengan berkesan. Selain itu, PK06 menyatakan

bahawa murid kurang menguasai keseluruhan tema karangan berdasarkan DSKP, terutamanya bagi tema yang mencabar menurut murid. Melalui perbincangan yang dijalankan, PK menjelaskan bahagian lain dalam penulisan akan terjejas sekiranya pengetahuan murid tentang tema atau topik penulisan juga kurang.

“Secara keseluruhannya, pada pendapat saya, pengetahuan murid tentang tema karangan ada tetapi tidak menyeluruh. Murid sekadar tahu tetapi pemahaman mereka tentang tema-tema yang saya katakan sukar tadi agak kurang”

(PKB/PK06/MKPIS/Baris160-162)

“Walau bagaimanapun, pada masa kini pengetahuan dapat diperolehi melalui pelbagai cara namun murid tidak tertarik untuk mendapatkan pengetahuan daripada tema-tema yang mereka pelajari. Banyak bahagian dalam penulisan akan terjejas sekiranya murid kurang pengetahuan. Antaranya untuk memperoleh idea utama, huraian idea, memberi contoh yang sesuai, pengolahan ayat, laras bahasa yang mereka gunakan dan lain-lain lagi. Jadi pada pendapat saya masalah utama adalah rendahnya tahap pengetahuan murid tentang sesuatu tema atau topik karangan”

(PKB/PK08/MKPIS/Baris138-144)

Kelemahan Mengemukakan Idea

Seterusnya, PK menjelaskan bahawa salah satu kelemahan murid semasa menulis karangan mengemukakan idea utama. Salah satu kelemahan dari segi idea ialah murid sering menggunakan idea sampingan sebagai idea utama semasa menulis karangan. Enam daripada sepuluh PK telah memberikan penjelasan tentang masalah tersebut. Murid sering mengemukakan idea sampingan sebagai idea utama, menurut PK08. Seterusnya, PK06 menyatakan kegagalan murid untuk menyaring maklumat dengan betul menyebabkan murid sukar untuk membezakan idea utama dan idea sampingan. Akibat daripada kelemahan mengenal pasti idea utama dan idea sampingan ini, murid akan menghadapi kesukaran semasa menghuraikan karangan.

“Masalah dari segi mengemukakan idea ialah murid sering mengemukakan idea sampingan atau idea yang sepatutnya dimasukkan dalam ayat huraian. Contoh, tema amalan gaya hidup sihat, sepatutnya menjaga kebersihan diri merupakan idea utama tetapi murid memberi idea menggosok gigi sebagai idea utama. Sepatutnya idea tersebut merupakan contoh bagi menjaga kebersihan diri”

(PKB/PK08/MMISSIU/Baris167-171)

“Murid yang bermasalah mengemukakan idea utama sebab mereka tidak boleh membezakan idea utama dan idea sampingan. Jadi murid-murid begini akan mengemukakan idea sampingan sebagai isi utama. Pada saya masalah ini memang berlaku kepada semua murid tidak kira yang berada di kelas hadapan, pertengahan atau kelas belakang. Masalah murid-murid yang begini adalah disebabkan mereka tidak boleh menyaring maklumat yang mereka peroleh dengan tepat”

(PKB/PK06/MMISSIU/Baris139-144)

Kelemahan Menulis Huraian Idea

Selain itu, sembilan daripada sepuluh PK yang telah menyertai PKB membincangkan kelemahan murid dalam menulis huraian karangan. Antara masalah dalam penulisan karangan ialah murid sering memberikan huraian yang kurang jelas, seperti yang dijelaskan dalam PK06. Selain itu, PK04 juga menyatakan bahawa huraian karangan menjadi kurang jelas kerana ayat yang ditulis oleh murid terlalu ringkas dan tidak mendalam. Hal ini disebabkan murid kurang mempunyai kemahiran menulis pengolahan ayat dengan baik. Murid juga sering gagal menjelaskan sebab, kesan dan memberikan contoh yang sesuai.

“Tetapi apabila saya sudah bantu menyusun idea, mereka bermasalah dari segi huraian pula. Bagi saya menulis huraian itu merupakan masalah utama untuk murid-murid semasa menulis karangan kerana huraian murid terlalu ringkas. Ayat topik memang sudah betul tetapi huraian pula bermasalah murid tidak pandai mengolah ayat jadi kesannya murid tidak boleh mengembangkan idea mereka walaupun saya telah ajar cara nak pilih idea utama dan idea sampingan”

(PKB/PK04/MMHTJ/Baris183-188)

“Kebanyakan murid sukar memberikan huraian baik iaitu huraian yang baik dari isi yang relevan. Jadi huraian yang diberikan oleh murid tidak jelas dan tidak mendalam. Maksudnya, murid tidak mengemukakan sebab, kesan dan contoh. Selain itu contoh yang diberikan juga kurang sesuai”

(PKB/PK06/MMHTJ/Baris146-149)

Kelemahan Mengemukakan Contoh

Sebagai hasil daripada PKB mengenai masalah menulis huraian, PK menjelaskan murid juga mengemukakan contoh yang tidak sesuai, seperti yang dijelaskan oleh PK09. Dalam perbincangan, tujuh daripada sepuluh PK bersetuju bahawa murid lemah dalam mengemukakan contoh. Selain itu, murid kerap mengemukakan contoh yang tidak tepat, tidak spesifik serta tidak autentik. Selain itu, terdapat murid yang langsung tidak menggunakan contoh dalam karangan mereka. antara sebab murid lemah mengemukakan contoh dalam penulisan karangan kerana murid tidak dapat mengaitkan peristiwa yang berlaku di sekeliling mereka dengan tulisan yang diwacanakan.

“Seperti yang saya jelaskan tadi huraiannya bercampur-campur. Kemudian ada juga huraian atau contoh yang murid berikan tidak tepat dan terlalu umum sebab huraian tidak spesifik. Sama saja seperti rakan-rakan guru terangkan tadi”

(PKB/PK09/MLMC/Baris139-141)

Kelemahan Mengaitkan Elemen Merentas Kurikulum

Seterusnya, melalui PKB, lima daripada sepuluh PK mendapati kelemahan penguasaan kemahiran menulis karangan dalam kalangan murid juga disebabkan oleh murid tidak mengaitkan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) dalam penulisan karangan. Selain itu, PK05 juga berpendapat murid kurang mengaitkan pengetahuan sedia ada dalam mata pelajaran lain ke dalam penulisan karangan.

“Contohnya, kalau murid menulis karangan bertema alam sekitar dia tidak tahu bagaimana nak kaitkan dengan subjek geografi yang dia telah belajar sebelum ini. Dia tidak tahu kaitkan dengan sejarah dia yang dia dah belajar. Murid tidak pandai gunakan Elemen Merentas Kurikulum. Pada murid, mereka belajar habis satu-satu subjek habislah tidak perlu kaitkan dengan mata pelajaran lain. Pada mereka setiap subjek tiada perkaitan”

(PKB/PK05/MTMEMKDP/Baris194-199)

Pengolahan Karangan Murid Bercampur Aduk

Seterusnya, perbincangan berkaitan kelemahan murid dari segi idea berlaku semasa proses pengolahan karangan. Daripada sepuluh PK semasa sesi PKB, lima PK mengemukakan pengolahan karangan murid bercampur aduk. Menurut PK07 murid akan mencampuradukkan idea yang berlainan dalam satu perenggan. Melalui perbincangan yang dijalankan pengolahan murid bercampur aduk ini adalah merupakan kesan daripada kelemahan murid dalam menulis huraian karangan seperti yang dijelaskan oleh PK07.

“Murid saya pun sama juga, seperti yang saya terangkan tadi huraian isi utama kurang jelas mereka tidak boleh menghurai dengan baik. Isu kelemahan menghurai karangan menyebabkan murid mencampuradukkan dengan isi utama dengan perenggan lain”

(PKB/PK07/PKMBA/Baris156-159)

Berdasarkan dapatan kajian, kelemahan penguasaan kemahiran menulis karangan dalam kalangan murid adalah berpunca daripada kurangnya pengetahuan tentang topik penulisan. Hal ini telah dijelaskan oleh Britton (1975) dalam model mengarang Britton terdiri daripada tiga peringkat utama: pemahaman (conception), pembinaan (incubation), dan penghasilan (production). Pada peringkat pemahaman, penulis perlu memikirkan dan membuat keputusan tentang perkara yang ingin ditulis. Jika murid kekurangan pengetahuan mengenai topik penulisan, murid pasti akan menghadapi kesukaran untuk membentuk pemahaman yang mendalam, yang merupakan langkah kritikal dalam peringkat ini. Kekurangan ini akan menghalang murid daripada membina idea yang kukuh pada peringkat pembinaan, di mana penulis merancang dan memilih idea. Akibatnya, peringkat penghasilan, iaitu proses menulis draf sebenar, akan terganggu kerana idea yang

dikembangkan tidak mencukupi atau tidak jelas, menyebabkan karangan menjadi tidak tersusun dan kurang kualiti. Oleh itu, kekurangan pengetahuan mengenai topik bukan sahaja menghalang proses awal penulisan, tetapi juga mengganggu keseluruhan kitaran mengarang yang berkesan mengikut model Britton.

2. Kekangan Masa Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Karangan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan tiga faktor kekangan masa telah dikenal pasti menjadi cabaran dalam pelaksanaan PdP penulisan karangan iaitu dari segi peruntukan masa PdP penulisan karangan yang tidak mencukupi, pelaksanaan set induksi yang terlalu lama dan masa penilaian PdP penulisan karangan tidak mencukupi. Cabaran kekangan masa ini menimbulkan rasa ketidakpuasan guru terhadap penilaian PdP penulisan karangan.

Peruntukan Masa Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Karangan Tidak Mencukupi

Berdasarkan analisis dapatan PKB mendapati tujuh daripada sepuluh orang PK yang bersetuju bahawa masa PdP penulisan karangan adalah tidak mencukupi. PK09 telah menjelaskan faktor menyebabkan masa PdP tidak mencukupi adalah disebabkan PK mengambil masa yang lama semasa memberi penerangan tentang sesuatu topik. Isu kekangan masa ini menyebabkan PK terpaksa menyambung PdP penulisan karangan pada kelas seterusnya. Hal ini sudah pasti akan menjejaskan PdP kemahiran bahasa lain yang telah disusun dalam RPT mata pelajaran bahasa Melayu.

“Bagi kemahiran bahasa lain biasanya tiada masalah masa mudah dikawal. Namun kalau kelas penulisan karangan selalu terlebih masa. Selalunya apabila sampai masa untuk pembentangan hasil kerja masa PdP pun tamat. Pada pendapat saya masa PdP tidak mencukupi adalah disebabkan bahagian penerangan topik ambil masa yang panjang. Hal ini adalah untuk memberi kefahaman kepada murid berkaitan topik lagi lepas tu terangkan teknik menulis ayat demi ayat. Akhirnya masa berakhir jadi terpaksa sambung PdP akan datang walaupun sebenarnya tidak beberapa baguslah kalau cara seperti itu sebab kita telah ada perancangan tahunan”

PKB/PK09/MPdPKTM/Baris203-209

Pelaksanaan Set Induksi Terlalu Lama

Selain itu, PK04, berdasarkan PKB, telah menunjukkan faktor tambahan yang menyumbang kepada kekangan masa PdP penulisan karangan, iaitu masa set induksi yang terlalu lama. Lima daripada sepuluh orang PK bersetuju dengan perkara ini. Masa perkembangan dan penilaian akan terjejas sekiranya masa set induksi diambil terlalu lama. Salah satu sebab set induksi menjadi lama adalah kerana guru menjawab persoalan yang dikemukakan oleh murid. Perkara ini berlaku disebabkan murid teruja dengan pengetahuan yang baharu diperoleh semasa di dalam kelas. Masalah ini sering berlaku apabila PdP penulisan karangan menggunakan tema yang sukar.

“Memang sering berlaku set induksi yang panjang menjejaskan bahagian perkembangan dan penilaian. Perkara ini selalu berlaku sebab murid banyak bertanya. Murid bertanya sebab mereka baru dapat pengetahuan tentang sesuatu topik yang baharu. Perkara ini menyebabkan mereka teruja. Murid akan bertanya, bertanya dan bertanya. Saya pula selalu tidak sampai hati untuk sekat murid sebab mereka ingin tahu. Jadi masa akan panjang tu yang akan menjejaskan masa perkembangan dan masa PdP yang lain”

(PKB/PK04/SITL/Baris286-291)

Masa Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Karangan Tidak Mencukupi

PK turut membincangkan kekangan masa semasa menjalankan penilaian karangan di dalam kelas semasa sesi PKB. Tujuh daripada sepuluh orang PK bersetuju isu kekangan masa PdP penulisan karangan ini sering melibatkan waktu penilaian karangan seperti mana yang dijelaskan oleh PK06. Implikasi daripada kekangan masa penilaian ini hasil kerja murid atau hasil penulisan murid tidak dapat dinilai sepenuhnya semasa PdP di bilik darjah. Hal ini juga diakui oleh PK10 kerana terdapat juga guru yang meminta murid membentangkan hasil

penulisan namun murid tidak dapat membenteng penulisan karangan yang lengkap. Selain itu, karangan juga ditulis oleh murid tidak begitu terperinci disebabkan oleh kekangan masa.

“Konflik pengurusan masa dalam PdP penulisan karangan sama seperti rakan-rakan yang lain iaitu masa tidak cukup, saya selalu bawa PdP yang tidak selesai ke PdP BM seterusnya. Pada bahagian penilaian selalu tidak cukup masa untuk menilai semua perenggan yang murid tulis. Saya kesian juga kepada murid-murid yang sudah bersungguh-sungguh menulis tetapi tidak sempat saya semak atau komen semasa di dalam kelas. Oleh sebab itu, saya juga sering sambung PdP penulisan karangan dalam waktu PdP akan datang cuma agak derhaka DSKP. Sepatutnya setiap kemahiran bahasa tidak boleh digabungkan namun apabila tidak cukup masa kebiasaannya saya akan gabungkan dengan kemahiran bahasa yang lain”

(PKB/PK06/MPKTM/Baris213-290)

“Berdasarkan kepada pembentangan kebanyakannya tidak terperinci sebab masa tidak cukup. oleh sebab itu, murid tidak dapat menghurai secara terperinci murid tidak mampu menghasilkan satu karangan lengkap sebab tidak cukup masa. Jadi pembentangan murid-murid tu tidak terperinci”

(PKB/PK10/MPKTM/Baris67-71)

Ketidakpuasan Guru Terhadap Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Karangan

Berdasarkan sesi PKB secara keseluruhannya PK tidak berpuas hati terhadap penilaian karangan yang telah dijalankan semasa PdP. PK08 menjelaskan kaedah penilaian karangan yang dijalankan tidak menyeluruh terhadap semua murid disebabkan oleh kekangan masa. PK beranggapan sekiranya peruntukan masa PdP diberi lebih panjang penilaian penulisan karangan akan menjadi lebih baik.

“Saya kurang berpuas hati dengan kaedah penilaian yang saya laksanakan sebab masa 80minit tidak mencukupi untuk membuat penilaian secara keseluruhan bagi PdP penulisan karangan. Kalau saya ada masa yang lebih panjang pasti saya dapat menilai semua hasil penulisan yang ditulis oleh murid”

(PKB/PK08/GTBHTPK/Baris129-132)

Dapatan kajian boleh dikaitkan dengan Teori Beban Kognitif yang diperkenalkan oleh Sweller (1988). Teori ini menyatakan bahawa kemampuan murid untuk memproses maklumat adalah terhad oleh jumlah beban kognitif yang ditanggung semasa pembelajaran. Dalam konteks PdP penulisan karangan, kekangan masa meningkatkan beban ekstrinsik kerana murid perlu menyelesaikan tugas penulisan dalam tempoh yang singkat mengakibatkan murid tidak dapat menyusun idea atau membentuk struktur ayat yang baik. Kekangan masa juga membataskan kemampuan guru untuk membimbing murid secara mendalam melalui setiap peringkat penulisan. Hal ini akhirnya memberi kesan kepada kualiti karangan yang dihasilkan murid.

Perbincangan

Permasalahan PdP penulisan karangan perlu diatasi dengan cara yang lebih efektif agar PdP yang berkesan dapat mendorong murid untuk menghasilkan penulisan karangan dengan lebih baik. Antara saranan yang boleh digunakan adalah penggunaan media Internet dalam PdP penulisan karangan. Berdasarkan kajian (Febrina & Kartolo, 2022; Ali & Othman, 2018) menunjukkan keberkesanan penggunaan media Internet dalam pengajaran penulisan karangan. Kajian yang dijalankan secara eksperimental membuktikan murid yang menggunakan media Internet dalam menulis karangan telah menunjukkan peningkatan yang signifikan berbanding murid yang tidak menggunakan media Internet dalam PdP penulisan karangan. Hasil kajian tersebut menyokong dapatan yang diperolehi Yamaç et al. (2020) Penggunaan multimedia dalam pengajaran penulisan karangan boleh meningkatkan proses pengajaran dan meningkatkan kemampuan murid untuk menulis karangan dengan baik. Kajian ini menyamai hasil kajian Jaafar dan Mahamod (2020) yang menunjukkan bahawa kaedah yang biasa digunakan oleh murid yang mendapat keputusan yang cemerlang bagi mata pelajaran bahasa Melayu adalah dengan melayari Internet bagi mendapatkan bahan yang berkaitan dengan penulisan karangan akademik.

Seterusnya, masalah kekangan masa dalam PdP bukanlah sesuatu yang boleh dipandang mudah. Hal ini kerana, masalah ini bukan sahaja boleh menjejaskan kualiti PdP penulisan karangan sahaja malah PdP

kemahiran bahasa yang lain juga akan terjejas. Berdasarkan dapatan kajian yang dibincangkan oleh Andin dan Rosmiza (2023) masalah kekangan masa turut menjejaskan pelaksanaan PdP. Bagi menangani masalah ini penggunaan kaedah kelas balikan dapat meningkatkan kualiti PdP penulisan karangan. Hal ini kerana, guru dapat membahagikan sesi PdP kepada tiga bahagian iaitu sebelum PdP, semasa PdP dan selepas PdP. Berdasarkan Desa dan Abd Halim (2021) menjelaskan kaedah kelas balikan bukan sahaja dapat mengurangkan masalah kekangan masa malah dapat meningkatkan motivasi dan penglibatan murid dalam PdP di bilik darjah. Motivasi dan penglibatan murid ini adalah disebabkan murid dapat meneroka bahan pembelajaran sebelum PdP mengikut kesesuaian masa mereka (Wang & He, 2023). Selain itu, Ebron dan Mabuan (2021) dan Hajan dan Padang (2021) menerusi kajian pengaplikasian kaedah kelas balikan dalam pengajaran penulisan menunjukkan walaupun murid mempunyai keterbatasan teknologi namun murid tetap memberikan maklum balas yang positif. Kaedah ini juga mampu menyokong pembelajaran aktif bagi penulisan karangan dalam kalangan murid.

Seterusnya, Mokhtar et al. (2018) dan Marta et al. (2022) menjelaskan penggunaan modul pengajaran dapat memberi panduan kepada guru serta dapat menambah kualiti PdP penulisan karangan murid. Nafi'a dan Rusijono, (2016) penggunaan modul juga dapat membantu guru untuk menyelesaikan masalah kekurangan bahan pengajaran. Hasil kajian juga menunjukkan modul pengajaran juga dapat berfungsi sebagai medium penilaian. Penggunaan modul pengajaran penulisan karangan bukan sahaja dapat mengatasi masalah kekangan masa malah penggunaan modul ini juga dapat membantu guru meningkatkan minat murid untuk menulis karangan dengan baik (Bakthaselvan et al., 2022). Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian yang telah dijalankan oleh Safitri dan Rohmah (2023) penggunaan modul pengajaran boleh membantu murid lebih terampil menulis karangan melalui pengajaran yang lebih tersusun dan bahan bantu mengajar yang lebih menarik.

Kesimpulannya, permasalahan PdP penulisan karangan perlu diatasi dengan pendekatan yang lebih efektif untuk meningkatkan kualiti penulisan murid. Penggunaan media Internet terbukti berkesan dalam meningkatkan kemahiran menulis murid melalui akses kepada bahan ilmiah yang kaya dan relevan. Selain itu, kaedah kelas balikan dapat mengatasi masalah kekangan masa, membahagikan PdP kepada tiga fasa yang membolehkan murid meneroka bahan pembelajaran mengikut kesesuaian masa mereka. Kajian menunjukkan pendekatan ini dapat meningkatkan motivasi dan penglibatan murid dalam PdP. Penggunaan modul pengajaran juga memberikan panduan yang jelas kepada guru, membantu mengatasi kekurangan bahan pengajaran dan berfungsi sebagai medium penilaian. Secara keseluruhannya, strategi-strategi ini dapat meningkatkan minat dan kemahiran menulis murid, menjadikan PdP penulisan karangan lebih efektif dan menarik.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini mendapati kelemahan penguasaan penulisan karangan dalam kalangan murid serta kekangan masa dalam pelaksanaan PdP penulisan karangan sebagai dua isu utama. Kekurangan pengetahuan tentang topik dan kesulitan mengemukakan idea menjadi punca kelemahan murid, manakala kekangan masa menyebabkan guru tidak dapat melaksanakan pengajaran dan penilaian dengan efektif. Bagi menangani masalah ini, guru disarankan melaksanakan kaedah kelas balikan dengan memberi bahan pembelajaran sebelum PdP. Selain itu, guru boleh membuat penilaian secara dalam talian melalui pelbagai platform seperti Google Classroom, Google Docs, Edmodo dan lain-lain bagi mempercepat proses penilaian. Kajian lanjutan secara kuantitatif dicadangkan untuk menilai keberkesanan kaedah kelas balikan terhadap pencapaian murid dalam penulisan karangan.

Penghargaan: Terima kasih atas penyediaan Hadiah Latihan Persekutuan oleh Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. (KPM.BT.700-30/21/153 (3)) dan secara tidak langsung memberikan sokongan kewangan terhadap kajian ini. Penyelidik juga mengucapkan terima kasih kepada institusi dan semua orang yang terlibat yang telah membantu menjayakan kajian ini.

Konflik kepentingan: Sepanjang kajian ini dijalankan tiada sebarang konflik yang berlaku.

Rujukan

- Ali, N. H., & Othman, Y. (2018). Strategi pembelajaran kemahiran menulis bahasa melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Melanau Daerah Daro. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 33-41.
- Andin, C., & Rosmiza, M.Z. (2023). Pengajaran KBAT merentas kurikulum: Cabaran guru dalam pelaksanaan. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 11(1), 61-72. <https://doi.org/10.51200/jpp.v11i1.4280>
- Bakthaselvan, L., Hussin, M. S. H., & Yue, W. S. (2022). Pembangunan modul karangan E-BMKU untuk kegunaan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). *Jurnal Pengajian Melayu*, 33(1), 55-68. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol33no1.4>
- Bogdan, R., & Biklen, S. K. (2007). *Qualitative research for education*. Allyn and Bacon.
- Britton, J. (1975). *The development of writing abilities (11-18)*. Mcmillan.
- Cohen, J. (1960). A coefficient of agreement for nominal scales. *Educational and Psychological Measurement*, 20(1), 37-46. <https://doi.org/10.1177/001316446002000104>
- Desa, N. A. M., & Abd Halim, N. D. (2021). Flipped classroom in secondary school or high school education: A review of its advantages and challenges. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 6(2), 1-8. <https://doi.org/10.11113/itlj.v6.81>
- Ebron, G. P., & Mabuan, R. A. (2021). Flipped learning approach in teaching writing in a university setting: Students' experiences, preferences, and perspectives. *TESOL International Journal*, 16(4.4), 161-183.
- Febrina, N., & Kartolo, R. (2022). Pengaruh penggunaan media internet terhadap hasil pembelajaran menulis karangan siswa sekolah menengah atas. *Jurnal Riset Tindakan Indonesia*, 7(2), 113-119. <https://doi.org/10.29210/30031679000>
- Hajan, B. H., & Padagas, R. C. (2021). Blended learning in a research writing class: Perceptions and experiences from ESL secondary learners. *TESOL International Journal*, 16(4.4), 103-121.
- Hlabisa, S. N., Mhlongo, H. R., & Govender, S. (2023). Exploring teachers' views on the pedagogy of writing skills in English first additional language. *E-Bangi: Journal of Social Science and Humanities*, 20(3), 128-138. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2003.11>
- Jaafar, R., & Mahamod, Z. (2020). Strategi pembelajaran kemahiran menulis dalam kalangan pelajar cemerlang di sekolah menengah. *International Research Journal of Education and Sciences*, 4(1), 28-38.
- Khairunnisa, F. (2020). Problematika Pembelajaran Menulis Teks Narasi Di Sekolah Menengah Pertama. In *Seminar Bahasa dan Sastra Indonesia 2*, (1), 145-151.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Pelan hala tuju pendidikan Bahasa Melayu 2016 - 2025 : Kementerian Pendidikan Malaysia*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Kurikulum standard Sekolah menengah dokumen standard kurikulum dan pentaksiran Bahasa Melayu tingkatan 4 dan 5*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Kupasan mutu jawapan Sijil Pelajaran Malaysia Bahasa Melayu kertas 1 1103/1*. Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Kupasan mutu jawapan Sijil Pelajaran Malaysia Bahasa Melayu kertas 1 1103/1*. Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022a). *Kupasan mutu jawapan Sijil Pelajaran Malaysia Bahasa Melayu kertas 1 1103/1*. Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022b). *Laporan Analisis Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia*. Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Koon, L. W., Atan, N. A., Harun, J., & Hanid, M. F. A. (2024). Improving Critical Malay Essay Writing Competency through Authentic e-Learning. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(1), 170-190. <https://doi.org/10.6007/ijarped/v13-i1/19394>
- Krueger, R. A., & Casey, M. A. (2015). *Focus groups : a practical guide for applied research*. Sage Publications, Inc.

- Levz, J. (2024). Research writing difficulties of senior high school students. *International Journal for Multidisciplinary Research*, 6(3), 1-10. <https://doi.org/10.36948/ijfmr.2024.v06i03.21479>
- Mahamod, Z., Mazlan, R., Amin, N., & Rahman, M. Z. A. (2021). Reading and writing problem among b40 students in Malay language learning. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education*, 12(5), 16-30.
- Marta, N., Djunaidi, & Iriani, C. (2022). E-modul berbasis hypercontent: Upaya untuk mengatasi kesulitan pembelajaran Sejarah di masa pandemi Covid-19. *Tarikhuna*, 4(1), 34-43. <https://doi.org/10.15548/thje.v4i1.4275>
- Mazlan, R., Amin, N., Abd Rahman, M. Z., & Mahamod, Z. (2020). Tahap penguasaan membaca dan menulis murid B40 dari perspektif guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 54–73.
- Mohd Noor. (2020). *Kesan tettingkap dalam pengajaran kemahiran menulis karangan di SJKC*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mokhtar, M. M., Yaakub, R., & Amzah, F. (2018). Cabaran guru Bahasa Melayu dalam usaha menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PDPC) penulisan karangan argumentatif. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 2(2), 7-14. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v2i2.72>
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (2nd ed.). Jossey-Bass.
- Murray, D. M. (1990). *Write to learn*. Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Nafi'a Z. I., & Rusijono. (2016). Pengembangan modul part of speech (Jenis Kata) untuk meningkatkan keterampilan menulis dalam Bahasa Inggris pada siswa kelas VII SMP Negeri 7 Mojokerto. *Jurnal Mahasiswa Teknologi Pendidikan*, 1(1), 1–5.
- Rosli, N. F., Rahman, A., Ajleaa, N., & Soon, G. Y. (2023). A systematic literature review of project-based learning on English writing skills. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(2), 329-340. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2102.26>
- Safitri, A., & Rohmah, N. (2023). Pengembangan bahan ajar digital pada materimenulis teks iklan siswa kelas VIII SMPN 4 Bangkalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Indonesia*, 11(2), 83-93. <https://doi.org/10.30659/jpbi.11.2.5-13>
- Seyoum, W. M., Yigzaw, A., & Bewuketu, H. K. (2022). Student's attitudes and problems on question-based argumentative essay writing instruction. *Journal of English Language Teaching and Learning*, 3(2), 58–63. <https://doi.org/10.33365/jeltl.v3i2.2106>
- Tenggok, C., & Shaid, N. (2023). Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 329-345. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.27>
- Wang, T., & He, H. (2023). Pre-service teachers' task engagement in flipped Chinese language and culture learning. *International Journal of Computer-Assisted Language Learning and Teaching*, 13(1), 1-17. <https://doi.org/10.4018/ijcallt.323649>
- Yamaç, A., Öztürk, E., & Mutlu, N. (2020). Effect of digital writing instruction with tablets on primary school students' writing performance and writing knowledge. *Computers and Education*, 157, 2-19. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2020.103981>
- Yatim, N. A. M., Peng, C. F., & Abdullah, Z. (2020). Tahap pengetahuan pedagogi kandungan guru Bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 43–53.
- Yin, L. K. (2019). *An investigation of the use of flipped classroom in improving students' cause and effect essay writing*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Yuneh, R. M., Aman, R., & Hamid, S. A. (2022). Pengajaran sarana kohesi dalam proses penulisan karangan: analisis tematik amalan pedagogi guru cemerlang. *Malim Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 23(1), 176-191. <https://doi.org/10.17576/malim-2022-2301-14>
- Yusoff, M. (2014). *Perlakuan dan proses menulis karangan bahasa Melayu*. Penerbit Universiti Malaya.
- Zulkifli, N. E. Z. N., & Rahman, S. K. A. (2023). Strategi MK-argumentatif sebagai amalan pengajaran menulis berkesan bagi pelajar tahun 9. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(3), 94–108. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.3.8>